

**TAKLIMAT MENGENAI  
RANG UNDANG-UNDANG  
AKTA INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
(PINDAAN) 2000**

**&**

***Maklumat Tambahan***

**RAHSIA**

**Taklimat Mengenai**

**RANG UNDANG-UNDANG  
AKTA INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
(PINDAAN) 2000**

**RAHSIA**

## Kandungan

<b>1. Latarbelakang</b>	<b>4</b>
<b>2. Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996 (Akta A964)</b>	<b>11</b>
<b>3. Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000</b>	<b>12</b>
<b>4. Pilihan Penukaran</b>	<b>13</b>
<b>5. Alasan-Alasan Untuk Rang Undang-Undang Ini</b>	<b>15</b>
<b>6. Sifat-Sifat Asas Rang Undang-Undang</b>	<b>19</b>
<b>7. Soalan Untuk Diberi Kepada Penyokong</b>	
<b>7.1 Polisi Perpaduan Nasional</b>	<b>31</b>
<b>7.2 Kelayakan Kemasukan</b>	<b>32</b>
<b>7.3 Kakitangan Akademik Yang Berkelayakan</b>	<b>33</b>
<b>7.4 Kursus Kolej Bersekutu</b>	<b>34</b>
<b>7.5 "Mega Universiti"</b>	<b>35</b>
<b>7.6 Kejayaan dan Pencapaian</b>	<b>37</b>
<b>7.7 Arah Tuju dan Mutu Pendidikan di ITM</b>	<b>38</b>

### Lampiran

<b>1. Peratusan Keahlian Kumpulan Ikhtisas Yang Berdaftar Mengikut Kumpulan Etnik, 1990 – 1998</b>	<b>39</b>
<b>2. IPTS – Enrolmen Pelajar Mengikut Kumpulan Etnik di IPTS, 1997</b>	<b>40</b>
<b>3. Bilangan Calon Yang Mendaftar Program Ijazah Pertama Mengikut IPTA, Aliran dan Kaum, Sesi Akademik 1998/1999</b>	<b>41</b>

<b>4. Program Lulusan SPM/SPMV Sesi Akademik 1998/1999 – Bilangan Calon Mendaftar Mengikut Kaum dan Program</b>	<b>42</b>
<b>5. Sektor Pekerjaan Permulaan Lulusan ITM</b>	<b>43</b>
<b>6. Jumlah Staf ITM</b>	<b>44</b>
<b>7. Bilangan Pelajar Sepenuh Masa (Enrolmen) Mengikut Agama</b>	<b>45</b>
<b>8. Bilangan Pelajar Islam/Bukan Islam Kemasukan Nov. 1999</b>	<b>46</b>
<b>9. IPTA – Enrolmen Pelajar IPTA Peringkat Ijazah Pada Tahun 1998/1999</b>	<b>47</b>
<b>10. IPTA – Enrolmen Pelajar IPTA Peringkat Diploma Pada Tahun 1998/1999</b>	<b>48</b>
<b>11. Kongress Ekonomi Bumiputera Malaysia, Kertas Kerja No. 5/1965</b>	<b>49</b>

# **RANG UNDANG-UNDANG AKTA INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 2000**

## **LATARBELAKANG**

Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173) dikanunkan hampir dua puluh tiga tahun dahulu untuk menyempurnakan matlamat menyediakan latihan profesional dan separa profesional untuk orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak pada peringkat pengurusan pertengahan dalam sektor swasta dan awam.

Keadaan di Institut Teknologi MARA sudah banyak berubah sejak 1976. Harapan dan keyakinan diri pelajar-pelajar masa kini telah banyak bertambah, terbukti melalui penglibatan mereka dalam pelbagai pertandingan pada peringkat kebangsaan dan mahupun antarabangsa. Mereka telah mencapai prestasi yang cemerlang dan setanding dengan pelajar-pelajar universiti lain. Misalnya, pelajar-pelajar undang-undang ITM telah beberapa kali mengatasi rakan-rakan seperjuangan mereka dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Islam Antarabangsa dalam pertandingan Moot.

Graduan-graduan ITM telah mencapai kedudukan yang tinggi dan berjaya menerajui pucuk pimpinan dalam pelbagai profesion. Ada juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini merupakan graduan ITM.

Kedudukan masa kini mereka dalam masyarakat membuktikan kejayaan ITM dalam mendidik dan melatih mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran masyarakat.

Kepakaran akademik dan pentadbiran ITM telah meningkat tinggi. Program pembangunan staf selama tiga dekad telah menghasilkan ramai staf akademik dan profesional terlatih yang mempunyai kemampuan untuk melatih pelajar sehingga peringkat pendidikan tertinggi. Sehingga 16 Disember 1999, ITM mempunyai 2,746 staf akademik (tidak termasuk Pensyarah Kontrak, Sementara dan Jurulatih) dan 3,836 staf pentadbiran. Daripada jumlah ini, 1,935 ahli akademik atau 70.4% daripadanya, berkelulusan lepasan ijazah, iaitu 1,698 lulusan Sarjana, dan 189 mempunyai Ph.D. Pada masa yang sama 159 orang sedang melanjutkan pengajian peringkat Ph.D. dan 225 orang peringkat Sarjana.

Ramai pensyarah ITM dilantik sebagai Pemeriksa Luar untuk IPT-IPT yang lain, serta ada juga yang terlibat dalam khidmat perundingan pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Beberapa orang staf ITM dipinjamkan (seconded) ke universiti-universiti tempatan yang lain. Ada juga pensyarah-pensyarah ITM yang dilantik sebagai Profesor Adjunct atau Profesor Kehormat di universiti-universiti luar negara.

Bersesuaian dengan perkembangan industri masa kini, keperluan 'pekerja berilmu' (knowledge workers) perlu diberi perhatian. Ini

boleh dilakukan melalui program pendidikan berterusan pada pelbagai peringkat pengajian, termasuk peringkat ijazah. Selain daripada itu, harapan dan cita-cita pelajar serta lulusan ITM turut meningkat. Mereka tidak lagi berpuashati setakat mengisi kedudukan peringkat pengurusan pertengahan dalam sektor swasta dan awam. Lebih daripada itu, mereka mengharapkan ITM dapat menyediakan kemudahan pendidikan bagi melayakkan mereka mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Perkembangan yang sihat ini perlu diberi sokongan padu. Ianya akan disebut sebagai suatu cabaran bagi membuktikan bahawa ITM akan terus menempa kejayaan dalam menyemarakkan kesedaran Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dalam memenuhi harapan dan cita-cita.

Bagi memenuhi harapan dan menggunakan kepakaran yang sentiasa ditingkatkan, pengurusan ITM mendapati matlamat institusi ITM perlu diperluaskan. Dari masa ke masa, program peringkat profesional dan ijazah dilancarkan. Penawaran program peringkat ijazah telah bermula sejak tahun 1960an dan sehingga Januari 2000, 51.5% daripada 188 kursus ijazah dan diploma yang dijalankan di ITM diiktiraf sama ada setaraf dengan ijazah am atau ijazah kepujian mahupun lepasan ijazah.

<b>Peringkat Kursus</b>	<b>Bilangan</b>
Matrikulasi	3
Pra Diploma	4
Sijil	13
Diploma	71
Sarjana Muda Am	3
Profesional/Luaran	6
Sarjana Muda Kepujian	66
Diploma Lepas Ijazah	2
Sarjana	12
Kedoktoran	8
	$\left. \begin{array}{l} 3 \\ 4 \\ 13 \\ 71 \\ 3 \\ 6 \\ 66 \\ 2 \\ 12 \\ 8 \end{array} \right\} \frac{97}{188} = 51.5\%$
	<b>188</b>

Kesemua kursus di atas diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- Kelayakan kemasukan
- Tempoh masa kursus
- Isi kandungan kursus
- Sistem Pemeriksa Luar dari dalam dan luar negara yang menetapkan piawaian yang tinggi.
- Staf yang berkelulusan
- Kemudahan yang mencukupi
- Pengiktirafan oleh badan-badan profesional berkaitan.



**Walau bagaimanapun, program diploma akan terus menjadi teras kegiatan akademik.** Tidak kurang daripada 71.5% enrolmen sepenuh masa ITM masa kini adalah pelajar peringkat diploma dan sijil. Sijil dan Diploma merupakan “gateway” untuk memasuki kursus-kursus ijazah di ITM dan IPT-IPT lain dalam dan luar negara.

Peluang pendidikan ITM diperluaskan melalui penubuhan kampus-kampus cawangan di setiap negeri, program berkembar, usahasama, pengajian luar kampus, pendidikan jarak jauh, kolej bersekutu dan juga program pembelajaran fleksibel.

Kegiatan akademik diperluaskan merangkumi program peringkat antarabangsa yang melibatkan penawaran kursus di Indonesia. Program sedemikian akan dipertingkatkan melalui peruntukan pindaan Akta 173 (Seksyen 9(1) Akta 173).

Sejak ditubuhkan ITM mempunyai kursus pengajian bersesama atau bersama-sama, secara bergabung atau secara usahasama dengan beberapa institusi di luar negara seperti:

#### **UNITED KINGDOM**

1. Cardiff University
2. Chartered Institute of Transport, U.K.
3. City University, London

## **RAHSIA**

4. De Monfort University, Leicester
5. Ealing Technical College
6. Glasgow Caledonian University
7. Scottish Knowledge, PLC
8. Staffordshire University
9. University of Birmingham
10. University of London
11. University of Sterling

## **AUSTRALIA**

1. Curtin University of Technology, Perth
2. Edith Cowan University
3. University of Victoria

## **UNITED STATES OF AMERICA**

1. Ohio University
2. University of Kentucky
3. University of Missouri

## **CANADA**

1. British Columbia Institute of Technology
2. Southern Alberta Institute of Technology

## **IRELAND**

Irish Management Institute

## **GERMANY**

State of Badenwurttemberg

## **JAPAN**

Nagoya University

**REPUBLIC OF CHINA**

Beijing Foreign Studies University

**INDONESIA**

Institut Teknologi Bandung

**TURKEY**

University of Sakarya

**UAE**

Ajman University for Science & Technology, UAE

Hubungan ITM dengan universiti-universiti luar yang terjalin melalui usaha-usaha kerjasama memungkinkan ITM memperoleh perspektif dan pengiktirafan antarabangsa. Pensyarah-pensyarahnya juga turut menimba pengalaman yang bermanfaat semasa bekerja dengan professor luar. Mutu akademik juga diperakui oleh pakar-pakar universiti-universiti antarabangsa.

**AKTA INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 1996**  
**(AKTA A964)**

Pada awal 1995, cadangan untuk memperbadankan (menyusun semula struktur) institusi pendidikan tinggi, termasuk ITM, diluluskan oleh kabinet. Bagi melaksanakan cadangan ini dan untuk menggabungkan beberapa perubahan kepada struktur akademik dan pentadbiran ITM, beberapa pindaan perundangan Kanun-Kanun ITM yang berkaitan telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 1996 melalui Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996 (Akta A964).

Akta ini telah memberi ITM semua kuasa dan struktur sebagai sebuah Universiti, meliputi perkara-perkara berikut:

- kuasa menganugerahkan ijazah hingga ke peringkat Ph.D. (Seksyen 4(1)(b) Akta 173).
- menubuhkan sebuah Senat (Seksyen 16A, Akta 173).
- mengubah Majlis Institut menjadi Lembaga Pengarah Institut (Seksyen 13, Akta 173).
- mewujudkan jawatan-jawatan Profesor, Profesor Madya dan sebagainya. (Seksyen 2, Akta 173).
- kuasa-kuasa Korporat dan Komersial sejajar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Seksyen 4A, Akta 173).

Pada 26.8.99 Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan kepada rakyat keputusan Kerajaan menaikkan taraf ITM menjadi sebuah Universiti dengan nama Universiti Teknologi MARA.

## **AKTA INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 2000**

Kenaikan taraf ITM kepada Universiti memerlukan pindaan-pindaan utama yang berikut:

- (a) Menukar nama Institut Teknologi MARA kepada Universiti Teknologi MARA
- (b) Mewujudkan jawatan-jawatan Canselor dan Pro Canselor
- (c) Menukar nama jawatan Rektor kepada Naib Canselor
- (d) Penubuhan Universiti adalah bersesuaian dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

## **PILIHAN PENUKARAN**

Terdapat tiga pilihan kepada penukaran status ITM untuk menjadi sebuah Universiti:

1. Mewujudkan sebuah Universiti baru di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).
2. Menggubal Akta baru, Akta Universiti Teknologi MARA 2000.
3. Pindaan kepada Akta yang sedia ada – Akta Institut Teknologi MARA 1976.

Setelah diteliti dan dihalusi, Kerajaan bersetuju bahawa pilihan ketiga adalah yang terbaik dan paling sesuai setelah mengambil kira faktor-faktor berikut:

1. Institut Teknologi MARA ditubuhkan pada tahun 1976 dibawah Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Institut ini ditadbirkan oleh:
  - Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
  - Kaedah-Kaedah Institut Teknologi MARA (Tatatertib Kakitangan) 1991

- Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976
  - Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976
2. Undang-Undang ITM yang sedia ada telah memenuhi tujuannya. Oleh yang demikian ITM agak keberatan untuk menerima suatu badan undang-undang yang baru kerana ia akan mengganggu prosiding-prosiding undang-undang dan pentadbiran yang menanti dan ia juga memerlukan pegawai-pegawai undang-undang dan pentadbiran dilatih semula.
  3. IPTA bukan hanya ditadbir oleh AUKU sahaja. Selain daripada AUKU terdapat Akta Universiti Malaya, Akta Politeknik Ungku Omar 1974, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) dan 83 buah perundangan subsidiari.

Setiap Universiti mempunyai perundangan subsidiarinya tersendiri. Contohnya, Universiti Utara Malaysia mempunyai 14 perundangan subsidiarinya tersendiri.

Oleh yang demikian, adalah wajar ITM terus menggunakan undang-undang yang sedia ada dengan dilakukan beberapa pindaan.

## **ALASAN-ALASAN UNTUK RANG UNDANG-UNDANG INI**

Asas pertimbangan Kerajaan memutuskan untuk menaikkan taraf ITM adalah seperti berikut:

1. **Pada hakikatnya ITM telah beroperasi sebagai sebuah Universiti sejak lulusnya Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996 (Akta A964).** Akta itu telah memberi ITM semua kuasa dan struktur seperti yang terkandung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti:
  - kuasa menganugerahkan ijazah-ijazah hingga ke peringkat Ph.D. (Seksyen 4(1)(b) Akta 173).
  - menubuhkan sebuah Senat (Seksyen 16A, Akta 173).
  - mengubah Majlis Institut menjadi Lembaga Pengarah Institut (Seksyen 13, Akta 173).
  - mewujudkan jawatan-jawatan Profesor, Profesor Madya dan sebagainya (Seksyen 2, Akta 173).
  - kuasa-kuasa Korporat dan komersial sejajar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Seksyen 4A, Akta 173).



2. **Penukaran nama Institut Teknologi MARA kepada Universiti Teknologi MARA ialah suatu tanda pengiktirafan Kerajaan terhadap penerusan proses evolusi dan perkembangan institut untuk menempah lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.**
3. **Program-program pembangunan kakitangan akademik ITM telah menghasilkan tenaga pakar yang mampu melatih pelajar-pelajarnya mencapai tahap pendidikan tertinggi .**

Kekuatan tenaga staf akademik terbukti berdasarkan fakta-fakta berikut:

- Kakitangan akademik seramai 2,746 (tidak termasuk Pensyarah Kontrak, Sementara dan Jurulatih)
- 189 kakitangan mempunyai Ph.D.
- 1,698 berkelulusan Sarjana
- 4 orang memiliki Diploma Lulusan Ijazah
- 44 orang kakitangan berkelulusan Profesional
- 831 ahli akademik mempunyai Ijazah Sarjana Muda
- 159 staf sedang melanjutkan pengajian peringkat Ph.D. dan 225 orang peringkat Sarjana
- Ramai daripada pensyarah-pensyarah dilantik sebagai Pemeriksa Luar untuk IPT-IPT yang lain.

- Ramai terlibat dalam khidmat perundingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**4. Kuasa akademik yang luas**

- 188 kursus di pelbagai bidang.
- Sistem pembelajaran pelbagai – Sepenuh Masa, Separuh Masa, Pengajian Luar Kampus, Pendidikan Jarak Jauh, Pembelajaran Fleksibel berdasarkan IT.

**5. Kursus Peringkat Ijazah**

- 51.5% daripada 188 kursusnya diiktiraf setaraf dengan Ijazah

**6. ITM ialah institusi pengajian tinggi terbesar di negara ini**

- Enrolmen : 74,809
- Kampus Cawangan : 12 (tidak termasuk Kampus Induk)
- Kampus Kota : 5

**7. Pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan**

**8. Pengiktirafan dari Badan-Badan Profesional**

**9. Pengalaman Luas (43 tahun)**

10. **Hubungan Industri**
11. **Alumni (142,519)**
12. Selari dengan polisi kerajaan menaikkan taraf politeknik-politeknik dan kolej-kolej perguruan lain, maka sudah wajarlah institusi pendidikan tinggi terbesar negara ini dinaikkan juga tarafnya.
13. Di kalangan IPT-IPT yang ada, ITM ialah perintis kepada penubuhan:
  - Kampus-Kampus Cawangan
  - Kursus-kursus Seni Lukis dan Seni Reka, Perhotelan dan Pelancongan, Teknologi Maklumat, Undang-Undang dan Sebaran Am.
  - Program-Program Berkembar
  - Kursus-kursus Profesional sepenuh masa untuk mereka yang sedang bekerja.
  - Program Pendidikan Jarak Jauh
  - Kampus Kota

## **SIFAT-SIFAT ASAS RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-Undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000 mempunyai 27 Fasal.

**Fasal 1** mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan diberi tarikh kuat kuasa secara dikebelakangan kepada 26 Ogos 1999.

Akta ini berkuatkuasa secara dibelakangan kerana:

- Pada 26 Ogos 1999 Y.A.B. Perdana Menteri telah mengisytiharkan keputusan kerajaan untuk menukar ITM kepada Universiti.
- Dalam membuat persediaan terhadap status barunya, Institut ini telah mengambil pelbagai langkah pentadbiran, membuat perlantikan baru serta membelanjakan sejumlah wang tertentu. Menguatkuasakan undang-undang secara dikebelakangan dapat mengesahkan langkah-langkah yang telah dilaksanakan pada masa perantaraan iaitu di antara 26 Ogos 1999 sehingga Akta ini diluluskan.
- Terdapat contoh terdahulu penguatkuasaan undang-undang secara kebelakangan. Perintah Universiti Putra Malaysia ditandatangani

pada Julai 26, 1997 tetapi ia telah dikuatkuasakan secara kebelakangan pada April 3, 1997.

**Fasal 2** bertujuan untuk mentakrifkan istilah “tarikh permulaan kuat kuasa” yang bererti tarikh Akta yang dicadangkan akan mula berkuat kuasa.

**Fasal 3 dan 4** membawa perubahan nama Institut dan juga membuat pindaan am kepada Akta 173 dengan menggantikan perkataan “INSTITUT” dengan perkataan “UNIVERSITI”. Dengan pindaan ini, Akta 173 sekarang akan bernama “Akta Universiti Teknologi MARA 1976”.

**Fasal 5** bertujuan untuk memberi kesan kepada perubahan nama Institut. Institut sekarang akan dikenali sebagai “Universiti Teknologi MARA”. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Institut, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Institut, tidak akan terjejas dengan perubahan nama Institut.

**Fasal 6** adalah susulan. Tujuannya untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Institut boleh dikuatkuasakan terhadap Universiti.

**Fasal 7 hingga 12** adalah untuk kesinambungan.

**Fasal 7** memperkatakan peletakhakan tanah, harta dan aset Institut pada Universiti.

**Fasal 8** bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang dan harta daripada Kumpulan Wang Institut Teknologi MARA kepada Kumpulan Wang Universiti Teknologi MARA. Pemindahan yang serupa juga diperuntukkan berhubung dengan wang yang terkandung dalam kumpulan wang rizab atau mana-mana kumpulan wang lain Institut. Ini ialah klaus terbitan.

**Fasal 9** memperuntukkan bahawa Cawangan, Kampus, Sekolah dan Pusat Institut hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan, disifatkan sebagai Cawangan, Kampus, Sekolah dan Pusat Universiti. Ini juga suatu klaus terbitan.

**Fasal 10** bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan, Lembaga Pengarah Institut dan Senat Institut, yang diwujudkan melalui Akta A964 pada tahun 1996, hendaklah disifatkan sebagai Lembaga Pengarah dan Senat Universiti.

**Fasal 11** bertujuan untuk memastikan penerusan perkhidmatan kakitangan, ejen dan orang lain yang dilantik atau diambil kerja oleh Institut dengan Universiti dari tarikh Akta yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa. Sub fasal (1) melindungi kakitangan yang sedia ada. Terma dan syarat perkhidmatan mereka tidak boleh kurang baiknya

daripada terma dan syarat perkhidmatan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa. Sub fasal (2) menyatakan bahawa mereka hendaklah diberikan suatu pilihan sama ada terus tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang sedia ada atau tertakluk kepada syarat-syarat yang baru.

Melalui **fasal 12**, semua pelajar Institut disifatkan sebagai pelajar Universiti yang mengikuti kursus pengajian yang sama seperti yang diikuti oleh mereka sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

**Fasal 13** memperkatakan perubahan daripada Rektor kepada Naib Canselor. Sebutan mengenai Rektor Institut sekarang akan disifatkan sebagai sebutan mengenai Naib Canselor Universiti.

Fasal ini juga memperkatakan kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Rektor, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, yang tidak terjejas dengan perubahan nama jawatan itu. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Rektor boleh dikuatkuasakan terhadap Naib Canselor.

**Fasal 14** bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 1A ke dalam Akta 173 untuk memperuntukkan bahawa penubuhan Universiti adalah menurut dan mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

- Perkara 153 ialah berkenaan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak. Ianya merupakan sebahagian daripada polisi-polisi tindakan afirmatif yang telah memelihara keamanan serta keharmonian kaum negara ini, ia juga menggalakkan kewujudan keadilan sosial.
- Sub fasal (1) Perkara 153 menyatakan bahawa:  
“Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak...”.
- Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan tugas-tugasnya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang perlu untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak: Perkara 153(2).
- Dibawah Perkara 153(2) Yang di-Pertuan Agong juga dikehendaki menentukan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dengan suatu kadar yang difikirkan patut oleh Baginda mengenai biasiswa, bantuan dan lain-lain keistimewaan pelajaran, latihan dan kemudahan khas.
- Perkara 153(2) diperkukuhkan lagi oleh Perkara 153(8A) yang telah ditambah ke dalam Perlembagaan pada tahun 1971.



- Perkara 153(8A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan sekiranya di sesebuah universiti terdapat keadaan dimana bilangan tempat yang ditawarkan adalah kurang daripada bilangan calon yang berkelayakan maka adalah sah dari sisi undang-undang dimana Yang di-pertuan Agong boleh memberi arahan memerlukan supaya peruntukan dibuat bagi menjamin tempat untuk orang Melayu dan natif Sabah dan Sarawak **dengan kadar yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong.**

Seperti ahli-ahli yang mulia Dewan ini sedia maklum, disebabkan oleh keadaan dan kemiskinan, kaum Bumiputera masih lagi ketinggalan di dalam pelbagai profesion.

Profesion	1998	
	Bumiputera %	Bukan Bumiputera %
Arkitek	28.7	71.3
Pelukis Pelan Bangunan	38.8	61.2
Siswazah Arkitek	55.6	44.4
Akauntan	15.2	84.8
Jurutera	42.1	57.9
Doktor Gigi	29.1	70.9
Doktor	35.8	64.2
Doktor Veterinar	40.8	59.2
Juruukur	46.6	53.4
Peguam	30.9	69.1

**Sumber: Jabatan Perangkaan Negara**

Ia adalah suatu keputusan kerajaan untuk mewujudkan keadilan sosial dan penyusunan semula masyarakat, maka itu UiTM adalah untuk Melayu dan natif dari Sabah dan Sarawak. Terdapat beberapa sebab mendesak untuk polisi ini. Antaranya ialah:

- Kaum Bumiputera masih ketinggalan dalam profesion-profesion utama.

- Jumlah pemohon Bumiputera ke ITM jauh melebihi jumlah tempat yang ditawarkan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan masih berusaha untuk mengembangkan peluang pelajaran untuk bukan Melayu dan bukan Bumiputera. Inilah sebabnya ditubuhkan universiti-universiti baru, membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta, dan meluluskan program berkembar untuk sektor swasta. Bagi tujuan yang sama, mereka yang menuntut di semua IPTS adalah layak untuk mendapatkan bantuan pinjaman tabung PTPTN.

**Fasal 15** mengandungi beberapa tafsiran baru. Fasal ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 173 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta 173, antara yang lebih penting adalah seperti yang berikut:

- a. takrif “persatuan alumni” yang merujuk kepada persatuan alumni yang ditubuhkan di bawah seksyen 16B yang dicadangkan;
- b. takrif “Canselor” sebagai Ketua Universiti;
- c. takrif “pelajar” untuk merangkumi pelajar-pelajar pengajian jarak jauh dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian yang dijalankan oleh Universiti tidak di kampusnya tetapi di tempat-tempat di luar kampus; dan
- d. takrif “Naib Canselor” untuk menggambarkan perubahan nama jawatan Rektor.

**Fasal 16** bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 173 untuk memasukkan Canselor, Pro-Canselor dan Senat sebagai sebahagian daripada pertubuhan perbadanan, iaitu Universiti.

**Fasal 17** bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A ke dalam Akta 173 untuk menyatakan dengan khusus bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 tidak akan digunakan bagi Universiti Teknologi MARA.

- Sejak ditubuhkan pada tahun 1976, ITM dibenarkan mempunyai undang-undangnya sendiri.
- Kerajaan telah bersetuju membenarkan ITM mengekalkan undang-undang asalnya supaya dapat mengelakkan sebarang gangguan kepada pentadbiran dan undang-undang universiti baru ini.
- Walaupun Kementerian Pendidikan lebih cenderung kepada keseragaman undang-undang utama untuk semua IPTA, tetapi Kerajaan juga sedar bahawa setiap universiti mempunyai perundangan kecilnya.
- Dengan demikian, tidak menjadi suatu kesalahan untuk membenarkan ITM terus menggunakan undang-undangnya yang telah memenuhi matlamat dan tujuannya selama 23 tahun yang lalu.

**Fasal 18(a)** bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(d) Akta 173 untuk menghentikan kuasa Universiti untuk mendirikan, melengkapkan dan menyenggarakan perpustakaan, dewan kuliah, asrama dan bangunan lain di luar negara. Fasal ini cuba menjadikan Akta ITM sama dengan AUKU.

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(e) Akta 173 bagi membolehkan Universiti mengurniakan fellowship, biasiswa, dan sebagainya; berkenaan dengan pendidikan dan latihan yang diadakan tidak sahaja di Universiti tetapi dari atau oleh Universiti.

**Fasal 19** bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 173 yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada perenggan 4(1)(d) dan fasal 18.

**Fasal 20** bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 173 bagi maksud penjelasan.

**Fasal 21** bertujuan untuk meminda seksyen 16A Akta 173 untuk memasukkan subseksyen baru (5A) bagi membolehkan Timbalan Naib Canselor mempengerusikan apa-apa mesyuarat Senat semasa ketiadaan Naib Canselor.

**Fasal 22** bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16B ke dalam Akta 173. Seksyen baru ini memperkatakan penubuhan persatuan

alumni. Penubuhan mana-mana Persatuan Alumni adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah.

**Fasal 23** bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru ke dalam Akta 173, iaitu seksyen 19A dan 19B. Seksyen 19A memperuntukkan bahawa Canselor Universiti ialah Yang di-Pertuan Agong manakala seksyen 19B memperkatakan pelantikan Pro-Canselor.

Cadangan ini berdasarkan dua pertimbangan:

- ITM mempunyai kampus di setiap negeri. Maka amat sesuai jika Yang di-Pertuan Agong, yang merupakan simbol perpaduan negara dan rakyat untuk mempengerusi Konvokesyen Universiti.
- Di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong ialah pelindung dan pembela kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan natif Sabah dan Sarawak. Peranan ini sungguh layak dan sesuai dengan *raison d'être* kewujudan ITM.

**Fasal 24** bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 173 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang layak dan sesuai sama ada dari dalam atau luar Universiti boleh dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semasa ketiadaan Naib Canselor, seorang

Timbalan Naib Canselor yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi Naib Canselor.

**Fasal 25** bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29B ke dalam Akta 173 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan konvokesyen.

**Fasal 26** bertujuan untuk memastikan bahawa semua perbuatan dan benda yang dilakukan dalam menjangkakan bahawa Akta yang dicadangkan ini akan diperbuat akan disifatkan telah diberi kuasa oleh Akta yang dicadangkan.

**Fasal 27** bertujuan untuk membenarkan Menteri membetulkan apa-apa anomali dalam Akta yang dicadangkan melalui perintah. Kuasa ini hanya boleh dijalankan dalam tempoh dua tahun dari tarikh Akta ini disiarkan.

**SOALAN-SOALAN  
DIBERI KEPADA PENYOKONG**



**7.1 Kementerian sendiri telah bertindak menentang polisi sendiri yang menggalakkan integrasi kaum melalui kediaman di asrama dan bilik kuliah disemua IPT kerana tidak melaksanakan konsep integrasi kaum di ITM.**

***Jawapan***

Perpaduan nasional adalah suatu matlamat penting. Matlamat ini boleh tercapai melalui berbagai cara.

Konsep integrasi kaum ini mesti dilihat daripada perspektif yang lebih luas, termasuk membabitkan integrasi antara penduduk di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada pelajar Melayu, ITM juga mempunyai pelajar daripada pelbagai kaum.

Integrasi di kalangan pelbagai kaum dilaksanakan di ITM melalui pelbagai aktiviti seperti:

- Di kampus-kampus cawangan di Semenanjung, peratus pelajar-pelajar tempatan (yang berasal dari negeri tersebut) adalah 45%. Manakala 55% adalah terdiri dari pelajar-pelajar yang datang dari negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak.
- Di kampus Sabah, peratus pelajar-pelajar tempatan adalah 93% dan 7% pelajar-pelajar lagi datang dari negeri-negeri lain.
- Di kampus Sarawak, peratus pelajar-pelajar tempatan adalah 86% dan 14% pelajar-pelajar lagi datang dari negeri-negeri lain.
- Di kampus Kelantan, peratus pelajar-pelajar tempatan adalah 64% dan 36% pelajar-pelajar lagi datang dari negeri-negeri lain.

Sementara itu, tenaga pengajar ITM terdiri daripada pelbagai kaum dengan 460 kakitangan akademiknya terdiri dari golongan bukan Melayu.

**7.2 Apabila ITM dinaikkan taraf universiti adakah kelayakan kemasukan pelajar dipertingkatkan?**

***Jawapan:***

Dasar Kementerian mengenai kemasukan ke universiti adalah terpakai untuk semua IPTA termasuk ITM.

Harus diingati bahawa, ITM mempunyai kursus-kursus dari Matrikulasi menjangkau hingga Ph.D. Pemohon-pemohon yang kurang berkelayakan untuk memasuki program ijazah mungkin pula layak untuk mengikuti kursus Diploma, Sijil, Pra-Diploma atau kursus Matrikulasi.

Prestasi dan pencapaian yang baik semasa mengikuti kursus-kursus tersebut merupakan peluang meningkat masuk ke program profesional dan program ijazah.

**7.3 Adakah ITM mempunyai kakitangan akademik yang berkelayakan untuk mengendalikan kursus pada peringkat universiti?**

**Jawapan:**

- a. ITM telah menawarkan kursus peringkat sarjana muda dan profesional sejak tahun 1960an dan pada masa ini menawarkan 66 kursus pada peringkat sarjana muda, 12 kursus sarjana, lapan kursus kedoktoran, enam kursus profesional dan tiga kursus sarjana muda am. ITM mempunyai kakitangan akademik cukup berpengalaman untuk mengendalikan kursus pada peringkat tinggi.
- b. Terdapat 189 kakitangan berkelulusan Ph.D. dan 1,698 berkelulusan peringkat sarjana. Seramai 159 sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D. dan 225 pada peringkat sarjana.
- c. ITM kini mempunyai 2,746 para akademik (tidak termasuk pensyarah kontrak, sementara dan juruatih). Daripada jumlah ini seramai 1,935 atau 70.4% para akademik berkelulusan pasca siswazah iaitu 1,698 berkelulusan sarjana dan 189 mempunyai Ph.D.
- d. Ramai daripada pensyarah ITM dilantik sebagai pemeriksa luar. Tidak kurang juga yang terlibat dalam perundingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu ada antara pensyarah-pensyarah ITM yang dilantik sebagai Professor Adjunct atau Professor Kehormat di universiti-universiti di luar negara.

**7.4 Berapakah bilangan kursus kolej bersekutu yang telah diluluskan oleh ITM? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan program kolej bersekutu berkualiti?**

**Jawapan:**

- a. Sehingga Ogos 1999 terdapat 22 kolej bersekutu di bawah program kerjasama ITM dengan IPT swasta.
- b. Bilangan kursus yang ditawarkan oleh kolej bersekutu ialah 16, iaitu dua kursus sarjana muda; 10 kursus diploma, satu kursus sijil; tiga kursus persediaan (pra-perdagangan, pra-sains, pra-perakaunan)
- c. Jumlah pelajar ialah 5,663.
- d. Untuk mengawal kualiti, ITM mempunyai proses kawalan dan pemantauan yang ketat dari segi memenuhi keperluan kurikulum dan silibus, pengajaran, peperiksaan, pemeriksaan kertas jawapan dan kerja kursus, peralatan dan kemudahan pembelajaran dan kelayakan dan pengalaman kakitangan akademik kolej bersekutu. Kakitangan ITM melawat kolej bersekutu dari semasa ke semasa.

**7.5 Cadangan untuk menukar ITM mejadi “Mega University” adalah sesuatu yang bukan sahaja menggembirakan tetapi juga membimbangkan.**

**Adakah ITM mempunyai bilik kuliah, dewan makan, asrama, kemudahan sukan, perpustakaan serta kakitangan akademik dan pentadbiran untuk mencapai cita-cita menjadi sebuah universiti mega?**

**Jawapan :**

ITM mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam membuat persiapan-persiapan untuk menjadi sebuah universiti mega. Antara infrastruktur kolej yang sedang dilaksanakan:

- Sebuah asrama yang boleh menampung 7000 pelajar sedang dibina.
- Membina asrama-asrama tambahan (RM504 juta)
  - Peratus tinggal di dalam 49.41%
  - Peratus tinggal di luar kampus 50.59%
- Pembangunan fizikal untuk tujuan akademik – Rm 321 juta.
- Pembangunan fizikal untuk tujuan pentadbiran – RM 20.8 juta.
- Pembangunan fizikal untuk tujuan pembangunan – RM 337 juta.

ITM telah bersedia dengan pembangunan pelbagai kemudahan fizikal dan kemudahan asas termasuk bilik kuliah, asrama, perpustakaan, kemudahan sukan dan rekreasi dan sebagainya bagi menjadi universiti mega.

Diantara projek-projek fizikal yang sedang dalam peringkat pembangunan adalah seperti pembinaan beberapa bangunan tertentu di ITM Shah Alam seperti Kompleks Kejuruteraan, bangunan baru fakulti-fakulti seperti Sebaran Am, Pengajian Maklumat serta Pentadbiran dan Undang-undang serta beberapa pembangunan fizikal di kampus-kampus cawangan.

Daripada sudut tenaga kerja pula, buat masa ini ITM mempunyai kakitangan akademik yang mencukupi iaitu seramai **2,746** (tidak termasuk Pensyarah Kontrak, Sementara dan Jurulatih).

Daripada jumlah ini, 70.4% mempunyai kelulusan pada peringkat ijazah lanjutan, iaitu **189** memiliki Ph.D. dan **1,698** pensyarah berkelulusan Sarjana.

Manakala seramai 159 pensyarah sedang melanjutkan pengajian peringkat Ph.D. dan 225 lagi pada peringkat Sarjana.

Kakitangan pentadbiran juga adalah mencukupi iaitu keseluruhan sistem pentadbiran berada pada nisbah akademik dengan pentadbiran pada kadar 1:1:18.

**7.6 Sejauhmanakah kejayaan dan pencapaian lulusan ITM?**

**Jawapan :**

Sehingga November 1999 ITM telah mengeluarkan sebanyak **142,519** lulusan. Kajian Tinjauan Penempatan Pertama Lulusan ITM Tahun 1999 menunjukkan bahawa lebih 60% lulusan telah berjaya mendapatkan pekerjaan di sektor swasta.

Ramai lulusannya yang telah berjaya menyandang pelbagai jawatan tertinggi di sektor korporat dan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan tidak kurang juga yang telah menjadi usahawan yang berjaya dengan cemerlang.

**7.7 Adakah terdapat sistem pengawasan terhadap arah tuju dan mutu pendidikan di ITM?**

**Jawapan :**

- Arah tuju dan mutu pendidikan ITM sentiasa di bawah pengawasan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) yang turut mengawasi kesemua IPT awam dan swasta di negara ini.
- Pada masa yang sama ITM juga turut mengalu-alukan kehadiran Lembaga Akreditasi Negara (LAN) untuk tujuan mengawal mutu pendidikan di ITM.
- Daripada sudut dalaman pula, sistem 'Governance' yang dilaksanakan hasil daripada pindaan akta yang lepas dapat menjamin ITM dapat berdaya maju dan terus membangun di bawah pengawasan sebuah Lembaga Pengarah yang dilantik sendiri oleh Menteri Pendidikan.
- Kesemua aspek sesuatu program akademik diteliti dan dinilai oleh berbagai badan profesyenal sebelum ianya diiktiraf.
- Semua hal ehwal akademik diawasi oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti.
- Setiap Fakulti mempunyai Lembaga Penasihat Luar.
- Hampir kesemua kursus mempunyai pemeriksa luar untuk mengulas kertas-kertas jawapan.
- Akhir sekali, pasaran gunatenaga manusia yang menjamin mutu dan kebertanggungjawaban.




Peratusan Keahlian Kumpulan Ikhtisas Yang Berdaftar  
Mengikut Kumpulan Etnik, 1990 - 1998

Profesion	1990		1995		1998	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Bumiputera	Bukan Bumiputera
Arkitek	23.6	76.4	27.6	72.4	28.7	71.3
Pelukis Pelan Bangunan	33.2	66.8	33.1	66.9	38.8	61.2
Siswazah Arkitek	55.7	44.3	52.0	48.0	55.6	44.4
Akauntan	11.0	89.0	16.1	83.9	15.2	84.8
Jurutera	36.1	63.9	36.5	63.5	42.1	57.9
Doktor Gigi	26.6	73.4	31.7	68.3	29.1	70.9
Doktor	27.8	72.2	33.4	66.6	35.8	64.2
Doktor Veterinar	33.6	66.4	40.2	59.8	40.8	59.2
Juruukur	43.9	56.1	46.3	53.7	46.6	53.4
Peguam	30.1	69.9	28.8	71.2	30.9	69.1

Sumber : Jabatan Perangkaan Negara

# A : INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)

